



30 Jun 2021
30 June 2021
P.U. (A) 288

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN
PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2021

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES
(AMENDMENT) REGULATIONS 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 378(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2021**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2021.

Penggantian peraturan 8

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2012 [*P.U. (A) 474/2012*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan peraturan 8 dengan peraturan yang berikut:

“Fi yang kena dibayar kepada Suruhanjaya

8. (1) Fi yang berikut hendaklah kena dibayar kepada Suruhanjaya:

(a) fi berkenaan dengan suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2;

(b) fi berkenaan dengan seorang pengendali pasaran diiktiraf sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3;

(c) fi berkenaan dengan—

(i) Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal;

- (ii) Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal;
- (iii) pendaftaran orang yang menyediakan perkhidmatan pasaran modal;
- (iv) pendaftaran orang yang ditentukan oleh Suruhanjaya dalam garis panduan; atau
- (v) apa-apa fi lain yang kena dibayar di bawah Bahagian III Akta,

sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 4.

(2) Bagi maksud perenggan 1(c), Suruhanjaya boleh mengenakan fi lewat bayar tidak melebihi satu ratus ringgit untuk setiap hari atau mana-mana bahagian daripadanya yang pembayaran itu lewat, tertakluk kepada maksimum tiga ribu ringgit, jika fi yang ditetapkan itu tidak dibayar pada tarikh fi itu perlu dibayar bagi aktiviti yang berikut:

- (a) perenggan 3, 4 dan 5 Bahagian I;
- (b) perenggan 3 dan 4 Bahagian II;
- (c) perenggan 2 Bahagian III;
- (d) perenggan 2 di bawah kepala “Wakil Pemasaran” dan perenggan 3 di bawah kepala “Wakil Dagangan” Bahagian IV; dan
- (e) perenggan 1 dan 5 Bahagian V.”.

Penggantian Jadual 2

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual 2 dengan jadual yang berikut:

“JADUAL 2
[Perenggan 8(1)(a)]

Fi berkenaan dengan suatu bursa saham, bursa derivatif atau pusat penjelasan

No.	Aktiviti (1)	Fi (2)
1.	Permohonan untuk kelulusan pertubuhan perbadanan sebagai suatu bursa saham atau bursa derivatif di bawah seksyen 8 Akta	RM1,000.00
2.	Kelulusan permohonan pertubuhan perbadanan sebagai suatu bursa saham atau bursa derivatif di bawah seksyen 8 Akta	RM10,000.00
3.	Permohonan bagi kelulusan untuk menubuhkan atau mengendalikan suatu pusat penjelasan di bawah seksyen 38 Akta	RM1,000.00
4.	Kelulusan permohonan untuk menubuhkan atau mengendalikan suatu pusat penjelasan di bawah seksyen 38 Akta	RM10,000.00

Jadual baharu

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual 2 jadual yang berikut:

“JADUAL 3
[Perenggan 8(1)(b)]

Fi berkenaan dengan seorang pengendali pasaran diiktiraf

No.	Aktiviti (1)	Fi (2)
Am		
1.	Permohonan bagi pendaftaran sebagai seorang pengendali pasaran diiktiraf di bawah subseksyen 34(1) Akta	RM5,000.00

2.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh seorang pengendali pasaran diiktiraf	RM50,000.00 yang kena dibayar pada tarikh yang ditentukan oleh Suruhanjaya
Penjalanan Pengumpulan Dana		
3.	Fi berkenaan dengan penjalanan pengumpulan dana melalui suatu tawaran bursa permulaan	RM20,000.00+0.05% daripada jumlah keseluruhan yang akan diperdapatkan
4.	Fi berkenaan dengan penjalanan pengumpulan dana selain tawaran bursa permulaan	0.05% daripada jumlah keseluruhan yang diperdapatkan atau dibiaya melalui platform itu sepanjang tahun itu
5.	Penyerahsimpanan kertas putih	RM500.00
Dagangan		
6.	Fi berkenaan dengan dagangan sekuriti atau derivatif dalam suatu pasaran diiktiraf	0.01% daripada jumlah transaksi penjualan dan pembelian sekuriti atau derivatif yang dilakukan di platform yang dikendalikan oleh pengendali pasaran diiktiraf bagi tahun itu

JADUAL 4
[Perenggan 8(1)(c)]

BAHAGIAN I

Fi berkenaan dengan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah seksyen 58 Akta

No.	Aktiviti (1)	Fi (2)
1.	Permohonan bagi— (a) lesen; atau (b) pengubahan lesen	RM50.00
2.	Kelulusan permohonan bagi pengubahan lesen	RM100.00
3.	Pengemukakan Laporan Tahunan bagi Kelulusan Aktiviti	RM50.00